

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)42**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

42. Jelaskan pembangunan secara mampan dalam konteks Agenda Hijau Pulau Pinang 2030.
- (a) Pembangunan seperti lebuhraya, tambakan laut, Bukit Bendera menjejaskan dan merosakkan alam sekitar. Jelaskan bagaimana pembangunan ini boleh dianggap pembangunan mampan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
  - (b) Pengurusan secara lestari. Jelaskan bentuk pengurusan yang dilaksanakan.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

42. Agenda Hijau Pulau Pinang yang dilancarkan oleh Penang Green Council merupakan panduan yang mengandungi strategi, pelan tindakan termasuk penunjuk kemampanan pembangunan mengikut Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) *United Nation Sustainable Development Goals* (UNSDGs) dalam menghadapi cabaran alam sekitar secara global pada masa hadapan.

Matlamat Pembangunan Lestari PBB terdiri daripada aspirasi untuk meningkatkan kesejahteraan sosial, alam sekitar dan ekonomi rakyat. Adalah menjadi mandat kerajaan yang dipilih, dengan sokongan rakyat, untuk memutuskan cara terbaik untuk meneruskan pembangunan mampan yang akan memberi manfaat kepada rakyat dan alam sekitar dalam jangka masa panjang. Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 telah mula mengubah amalan dan persepsi Kerajaan Negeri dalam mengarusperdanakan pertimbangan alam sekitar, terutamanya isu perubahan iklim dan penggubalan dasar merentasi semua bidang. Peralihan kepada pembangunan yang lebih hijau akan mengambil masa dan usaha oleh semua pihak berkepentingan, yang akan disemak dan dinilai semula secara berkala.

- (a) Pihak Berkuasa Negeri amat komited dalam usaha pengekalan dan pemuliharaan kawasan sensitif alam sekitar melalui Pelan Strategik Guna Tanah di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030.
- (b) Bagi memelihara keseimbangan pembangunan serta kepentingan penggunaan tanah negeri dalam jangka

panjang, kawasan berhutan adalah dikekalkan sebagai zon kawasan berhutan. Pengezonan zon berhutan ini secara langsung mempunyai peraturan-peraturan dan garis panduan pembangunan yang ketat termasuklah mengambil kira Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) sekiranya perlu mengikut jenis pembangunan yang dijalankan.

Bagi kawasan hutan simpanan kekal, sebarang aktiviti pembangunan di dalam Hutan Simpanan Kekal adalah tidak dibenarkan melainkan dengan suatu permit penggunaan seperti yang diperuntukan di dalam Seksyen 32, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Walau bagaimanapun permit penggunaan ini hanya dibenarkan untuk jenis-jenis aktiviti yang disenaraikan di bawah seksyen 34, Akta 313. Buat masa ini, tiada pewartaan keluar hutan simpanan kekal bagi maksud pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri sejak hampir 20 tahun.

- (c) Konsep "*sustainable governance*" di bawah Agenda Hijau Pulau Pinang 2030 merujuk kepada badan pentadbir

yang mahir dalam konsep kemampanan serta proses membuat keputusan yang membantu mencapai pembangunan mampan. Elemen utama “tadbir urus mampan” ini termasuk meningkatkan kapasiti penjawat awam untuk melaksanakan program-program kemampanan, meningkatkan keberkesanan pemimpin untuk bertindak ke atas pembangunan mampan, menggalakkan kerajaan membuat keputusan berasaskan sains, akauntabiliti dan ketelusan serta meningkatkan kapasiti dan kesediaan orang ramai untuk mengambil bahagian dalam proses penggubalan polisi.